

Buruk Baiknya Pemilihan Bekerja Sendiri di kalangan Guna Tenaga

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Mengikut Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah serta Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia 2016, tenaga buruh negara pada tahun lepas berjumlah 14,667.8 ribu orang berbanding dengan 14,518.0 ribu pada tahun 2015. Dari jumlah tersebut, 14,163.7 ribu orang bekerja manakala selebihnya menganggur, iaitu seramai 504.1 ribu orang. Ini bermakna kadar pengangguran pada tahun lepas adalah 3.4 peratus.

Kadar pengangguran tersebut telah meningkat sedikit berbanding dengan 3.1 peratus pada tahun 2015. Walaupun kadar pengangguran dicatatkan di bawah kadar 4.0 peratus yang dianggap sebagai kadar guna tenaga penuh mengikut takrifan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), ianya perlu dilihat dengan lebih terperinci. Kadar guna tenaga penuh ini hanya boleh digunakan sebagai garis panduan kerana setiap negara mempunyai masalah yang berbeza dari segi guna tenaga. Umpamanya di dalam konteks Malaysia, kelayakan akademik para penganggur mempunyai implikasi yang berbeza dari segi keseriusan isu tersebut.

Isu pengangguran di kalangan graduan yang sering dilaporkan sejak mutakhir ini perlu diberi perhatian yang serius. Isu ini sering juga dikaitkan dengan kelemahan para graduan sebagai alasan kegagalan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Walaupun isu ini mungkin ada kebenarannya, namun ianya tidak wajar dikaitkan dengan masalah pengangguran.

Masalah pengangguran merupakan isu makroekonomi. Pengangguran berlaku kerana kegagalan ekonomi mencipta peluang pekerjaan untuk menyerap tenaga buruh yang ada. Yakni, proses pengeluaran tidak berlaku secara optimum kerana sumber tidak digunakan sepenuhnya. Secara langsung situasi ini menghadkan potensi

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pertumbuhan ekonomi kerana pengangguran mengekang pertumbuhan perbelanjaan isi rumah.

Jika pengangguran berlaku di kalangan tenaga buruh mahir yang mempunyai kelulusan di peringkat tertiar, isu ini adalah lebih serius. Terutama sekali keadaan ini akan membantutkan pertumbuhan produktiviti pengeluaran negara, sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Pada tahun lepas, satu pertiga dari penganggur adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kelulusan di peringkat tertiar. Ini bermakna, lebih dari 18,000 penganggur pada tahun 2016 terdiri dari mereka yang mempunyai pendidikan di peringkat tertiar. Fenomena ini amat membimbangkan kerana negara memerlukan pertumbuhan tenaga mahir untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Sambil itu, kebergantungan kepada buruh asing kurang mahir turut mengekang perpindahan kepada proses pengeluaran yang lebih berintensif modal dan teknologi. Keadaan ini turut menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang perlahan.

Kadar pertumbuhan penduduk bekerja pada tahun lepas berbanding dengan tahun 2015 adalah 0.7 peratus. Manakala, pengangguran telah tumbuh pada kadar 11.9 peratus untuk tempoh yang sama. Keadaan ini sebenarnya adalah lebih serius daripada apa yang ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan tersebut, kerana para penganggur rata-ratanya adalah rakyat Malaysia sedangkan jumlah pekerja juga termasuk buruh asing.

Jika transformasi proses pengeluaran ke arah berintensif modal berlaku dengan lebih laju, pergantungan kepada buruh asing kurang mahir akan berkurangan. Sebaliknya, kadar penyerapan buruh mahir tempatan yang berpendidikan peringkat tertiar akan meningkat, sekali gus mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan. Keadaan ini akan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan produktiviti negara.

Dalam pada itu, profil guna tenaga 2016 menunjukkan bahawa 74.4 peratus guna tenaga merupakan pekerja bergaji. Selebihnya merupakan 17.8 peratus mereka yang bekerja sendiri, 4.4 peratus pekerja keluarga tanpa gaji dan 3.4 peratus merupakan majikan. Peratusan guna tenaga di dalam kategori bekerja sendiri menunjukkan trend

meningkat untuk lima tahun yang lepas. Pada tahun 2012, mereka yang bekerja sendiri mewakili 16.5 peratus daripada keseluruhan guna tenaga.

Bilangan pekerja yang bekerja sendiri di kalangan jumlah guna tenaga di dalam ekonomi mempunyai alasan tersendiri. Dari sudut yang positif, peningkatan bilangan pekerja yang bekerja sendiri menunjukkan semangat keusahawanan yang tinggi di kalangan para pekerja. Manakala dari sudut yang negatif pula, ianya juga melambangkan kekurangan peluang pekerjaan yang dicipta oleh ekonomi. Jadi para pekerja terpaksa memilih untuk bekerja sendiri untuk kelangsungan hidup.

Sebagai contoh, terdapat beberapa negara yang menunjukkan peratusan pekerja yang bekerja sendiri yang tinggi termasuk beberapa negara maju, umpamanya, Colombia (51.3%), Greece (35.0%), dan Turki (33.0%). Bagi negara-negara tersebut, peratusan pekerja yang bekerja sendiri mungkin atas alasan strategi untuk kelangsungan hidup memandangkan kadar pengangguran yang tinggi yang mereka hadapi. Kadar pengangguran di Greece dan Turki mencecah angka dua digit, iaitu masing-masing 23.3 peratus dan 11.7 peratus. Manakala kadar pengangguran untuk Colombia walaupun lebih rendah pada 9.2 peratus setahun, namun negara tersebut menghadapi keadaan politik yang tidak stabil serta kadar inflasi yang kronik. Ini menyebabkan para pekerja menghadapi masalah yang lebih serius dari yang dilambangkan oleh kadar pengangguran.

Di dalam konteks Malaysia, tiada kajian terperinci yang boleh memberi jawapan terhadap peningkatan bilangan mereka yang bekerja sendiri dari kalangan guna tenaga, sama ada sebagai strategi kelangsungan hidup atau peningkatan semangat keusahawanan. Namun, kesempatan boleh diambil untuk memupuk semangat keusahawanan terutama di kalangan graduan, sambil membantu mencipta peluang pekerjaan di dalam ekonomi. Sementara itu kebergantungan kepada buruh asing berkemahiran rendah perlu diminimumkan untuk meningkatkan produktiviti.